

COVEE CREAM 1%W/W

Clotrimazole 1%w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Covee Cream
2. Bagaimana Covee Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Covee Cream
4. Cara menggunakan Covee Cream
5. Semasa menggunakan Covee Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Covee Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Covee Cream

Covee Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit seperti kurap (*ringworm*), kurap kaki (*athlete's foot*), kurap di pangkal paha (*jock itch*), panau, kulat pada kuku dan lipatan kulit.

Bagaimana Covee Cream berfungsi

Covee Cream mengandungi clotrimazole, sejenis antikulat kelas *imidazole*. Ia menghalang pembentukan ergosterol, iaitu satu komponen dalam penghasilan dinding sel kulat, yang kemudiannya akan menyebabkan dinding sel kulat diolah.

Sebelum menggunakan Covee Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Covee Cream jika anda terdapat alah terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini

- Sebelum menggunakan Covee Cream

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil
- Anda sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Covee Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Krim ini adalah untuk penggunaan luaran sahaja.

Sapu krim secara tipis dan rata pada bahagian kulit yang terjangkit dua hingga tiga kali sehari selama 2 hingga 4 minggu.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat

anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakannya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan krim ini sebaik sahaja anda teringat. Kemudian, teruskan rawatan seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat berkenaan dengan penggunaan secara berlebihan untuk ubat kegunaan luar.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Covee Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini.
- Bersihkan dan keringkan bahagian kejangkitan sebelum menyapukan krim.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Covee Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Covee Cream adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Krim ini tidak boleh dimakan.
- Jangan melebihi dos yang dibenarkan.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Covee Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan ubat ini.

AMARAN

Semasa menggunakan krim ini untuk jangkitan kurat:

- Elakkan dari terkena mata dan mulut

Kesan-kesan sampingan

- Kerengsaan kulit
- Rasa kepanasan
- Rasa gatal
- Kemerahan kulit

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Covee Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusannya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih, licin dan sebat. Terdapat dalam saiz pek 15g.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Clotrimazole

- Bahan tidak aktif
Macrogol Cetostearyl Ether,
Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin,
Propylene Glycol, Sodium Citrate,

*Citric Acid Anhydrous, Methyl
Hydroxybenzoate, Propyl
Hydroxybenzoate dan Purified Water.*

- Nombor MAL
MAL19106002X

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/03/2022

Nombor Siri

NPRA (R2) 19/158